

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke  
Arah Masa Depan yang Mapan  
20-21 April 2011  
CTF1 Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak

---

**GAYA DAN NILAI KEPIMPINAN UNGGUL DALAM MENANGANI MASALAH  
EKONOMI : SATU ANALISA DARIPADA KISAH NABI YUSUF<sup>1</sup>**

Lutfan bin Jaes Fakulti Sains, Sastera & Warisan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia  
[lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my)

Mohd Hisyam bin Abdul Rahim<sup>2</sup>  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia  
[mdhisyam@uthm.edu.my](mailto:mdhisyam@uthm.edu.my)

**ABSTRAK**

Masalah ekonomi amnya timbul daripada fenomena kekurangan sumber alam yang terhad dan kehendak manusia yang tidak terbatas. Bagi menangani masalah tersebut, gaya dan nilai amalan terbaik pengurusan perlu diamalkan supaya sistem ekonomi dapat berjalan dengan cekap, profesional dan mencapai matlamat yang digariskan. Lantaran itu, kertas kerja ini melihat khususnya gaya dan nilai-nilai unggul<sup>3</sup> dalam amalan pengurusan ekonomi yang dipunyai dan dipraktikkan oleh Nabi Yusuf *a.s.*, sewaktu menangani krisis kegawatan akibat kemarau yang berlaku pada zaman baginda. Signifikan kisah Nabi Yusuf dipilih kerana baginda adalah pentadbir ekonomi Mesir pada zamannya di samping darjatnya sebagai seorang nabi dan rasul. Kertas kerja ini turut mengambilkira pandangan ahli-ahli ekonomi masakini berkenaan analisa yang dibuat. Hasil daripada penelitian didapati terdapatnya beberapa gaya dan nilai unggul dalam pengurusan ekonomi Nabi Yusuf *a.s.* sehingga baginda berjaya menangani masalah ekonomi pada waktu itu. Sebahagian daripada gaya dan nilai tersebut adalah keadilan (*'adalah*), ihsan dan kerjasama (*ta'awun*). Secara asasnya al-Qur'an adalah panduan sepanjang zaman oleh kerana itu diharapkan penulisan ini memberi idea dan membuka ruang khususnya dalam mencipta formula yang mampu membangun dan mengurus ekonomi negara menurut perspektif Islam dengan berjaya.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini akan dibentangkan di Persidanga Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011 pada 20 dan 21 April 2011 anjuran Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak..

<sup>2</sup> En. Lutfan bin Jaes dan En. Mohd Hisyam bin Abdul Rahim merupakan staf akademik di Jabatan Kemanusiaan Fakulti Sains, Sastera & Warisan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, Malaysia. No telefon yang boleh dihubungi : (H/P) 019-7788034. (Pej.) 07-4537934.

<sup>3</sup> Nilai-nilai unggul juga boleh juga di sifatkan sebagai prinsip-prinsip unggul dalam kontek kertas kerja ini.

## **Matlamat Kesejahteraan Kehidupan Ekonomi Manusia dan Masalahnya**

Islam merupakan agama yang lengkap dan merangkumi segenap aspek kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Dalam erti kata lain yang lebih mudah, Islam adalah satu cara hidup (ad-deen) dan aspek ekonomi tidak terkecuali daripada Islam itu sendiri.

Setiap manusia dan sesebuah kumpulan masyarakat ataupun negara ingin kepada pencapaian matlamat-matlamat dan kesejahteraan dalam kehidupan ekonomi masing-masing. Oleh yang demikian, Islam menyelaraskan matlamat-matlamat yang ingin dicapai tidak kepada ukuran kebendaan yang bersifat metarial semata-mata, namun ia melangkaui jauh lebih dari itu iaitu kepada matlamat kehidupan akhirat yang kekal abadi. Bagi seorang muslim yang merupakan khalifah Allah, segala pencapaian dan matlamat daripada kegiatan ekonomi hanyalah alat untuk mencapai keredhaan Allah semata-mata. Itulah merupakan tanda daripada penghayatan konsep tauhid yang sebenar dalam sesebuah kehidupan seorang mukmin.

Menurut Zakaria Man, secara umumnya ukuran kepada matlamat kesejahteraan ekonomi sesebuah komuniti ataupun negara itu dikaitkan dengan pencapaian kecekapan yang maksimum di dalam proses membuat keputusan dan tindakan bagi penggunaan sumber-sumber ekonomi yang sedia ada dan terhad dan menjamin keadilan dalam pengagihan.

Hasil pencapaian kecekapan peruntukan sumber dan keadilan pengagihan tersebut akan menjamin pencapaian kebebasan ekonomi yang meluas kepada segolongan besar masyarakat dan seterusnya membolehkan juga kesejahteraan hidup yang mantap dan berterusan.<sup>4</sup>

Saiful Azhar menyatakan bahawa masalah fundamental ekonomi yang dihadapi oleh manusia amnya timbul dari fenomena kekurangan yang berlaku akibat dari dua perkara iaitu:

1. Sumber alam yang terhad dan,
2. Kehendak manusia yang tidak terbatas.<sup>5</sup>

Sehubungan itu, kertas kerja ini menganalisa gaya kepimpinan dan nilai-nilai yang dipegang dan diaplikasikan oleh Nabi Yusuf a.s sebagai seorang nabi dan juga dalam masa yang sama pengurus ekonomi negara Mesir menangani masalah ekonomi yang dihadapi sehingga baginda berjaya membawa rakyat keluar dari krisis tersebut. Semoga kajian ini memberi idea dan membuka ruang khususnya dalam mencipta formula yang mampu membangun dan mengurus ekonomi negara khususnya Malaysia menurut perspektif Islam dengan berjaya pada masa hadapan.

---

<sup>4</sup> Zakaria Man. 2002. *Kearah Penyusunan Ekonomi Negara Mengikut Lunas Islam. Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. ms 3.

<sup>5</sup> Saiful Azhar Rosly. 2002. *Kearah Penyusunan Ekonomi Negara Mengikut Lunas Islam. Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. ms 21

## Sejarah Ringkas Nabi Yusuf a.s dan Keistimewaan Surahnya

Nabi Yusuf a.s. adalah antara 313 orang rasul yang dipilih oleh Allah s.w.t daripada 124 000 orang nabi yang diutuskan kepada manusia. Baginda juga antara 25 orang rasul yang disebut namanya oleh Allah dalam al-qur'an. Jika diselusuri nasab baginda, kita dapati baginda ialah Yusuf a.s. bin Ya'qub a.s. bin Ishaq a.s. bin Ibrahim a.s.<sup>6</sup> Baginda merupakan putera ketujuh daripada dua belas (12) orang putera-puteri anak kepada Nabi Ya'qub a.s. Nabi Yusuf dan adindanya Bunyamin merupakan adik-beradik sebua daripada hasil perkahwinan Nabi Ya'qub dengan Rahil. Allah s.w.t menganugerahkan Nabi Yusuf a.s. dengan paras rupa yang menarik lagi tampan.<sup>7</sup> Allah s.w.t menceritakan secara khusus kisah baginda dalam Surah Yusuf, iaitu surah yang kedua belas (12) daripada susunan surah-surah al-qur'an. Surah Yusuf mengandungi seratus sebelas ayat (111) dan tergolong dalam kelompok *surah makkiah*.<sup>8</sup> Di luar surah ini, nama Nabi Yusuf a.s. disebut hanya dua kali sahaja iaitu dalam Surah al-An'am ayat yang ke-84 dan Surah Ghafir ayat ke-34.<sup>9</sup>

Pengarang tafsir al- Maraghy juga ada menjelaskan keistimewaan surah tersebut dengan kata-katanya : Kisah yang turut menerangkan pelbagai ujian kehidupan yang dilaluinya dalam penjara, usaha dakwah yang dilakukan olehnya sampailah akhirnya baginda memegang tampuk pemerintahan negara. Pemerintahan dan siasah negara dilakukan dengan baik dan sempurna sehingga wajar menjadi teladan yang baik kepada semua orang, baik mengenai kerasulannya atau semua masa kehidupan yang dilaluinya, termasuk juga cara baginda mengendalikan usaha hidup dengan sebaik-baiknya yang sesuai dengan pencapaian akal fikiran manusia.<sup>10</sup>

## Pemimpin dan Gaya Kepimpinan

Menurut Bass (1981) pemimpin adalah individu yang mampu mempengaruhi individu lain atau kumpulan melalui satu proses sebagai alat untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan secara bersama. Mengulas kenyataan Bass (1981) Conger dan Kanungo (1988) melihat pemimpin sebagai agen perubahan dalam sesebuah organisasi (negara). Selain berfungsi untuk menyatupadukan keseluruhan organisasi bagi mencapai wawasan organisasi, pemimpin turut berperanan dalam merangka serta menjalankan pelan pembangunan organisasi yang secara tidak langsung mempengaruhi pelan pembangunan negara. Sementara Gardner (1990) pula mendefinisikan pemimpin sebagai individu yang mampu berfikir untuk jangka panjang, berkebolehan memahami dan meluaskan hubungan dengan organisasi luar selain mempunyai

---

<sup>6</sup> Ash-Shabuni, Muhammad Ali. 1996. *Kemuliaan Para Nabi*. (pent) Saiful Mohd Ali. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa. m/s 561.

<sup>7</sup> Abdullah bin Ahmad Mubarak. 1996. *Kisah Para Nabi dan Rasul*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers. m/s 186.

<sup>8</sup> Surah yang diturunkan di Mekah.

<sup>9</sup> Ash-Shabuni, Muhammad Ali. 1996. *Kemuliaan Para Nabi*. (pent) Saiful Mohd Ali. m/s 562.

<sup>10</sup> Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Juzuk 11- 12. (pent) Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid 6 m/s 3297.

kemahiran berpolitik. Seorang pemimpin juga dilihat berupaya memberi penekanan kepada visi dan misi dengan melibatkan nilai, motivasi dan misi inspirasi pengikutnya.

Manakala seorang pemimpin yang berkesan pula merujuk kepada seseorang yang berupaya memberi semangat atau motivasi kepada individu dan kumpulan agar kumpulan tersebut dapat melakukan kerja dan sekaligus mencapai matlamat organisasi mereka walau pun tanpa penglibatan pemimpin dalam kumpulan mereka (Gedney, 1999). Slocum dan Hellriegel (2007) menterjemahkan pemimpin berkesan sebagai seorang individu yang mempunyai ciri-ciri dan personaliti kepimpinan seperti idea, visi, nilai, mampu mempengaruhi dan mendorong orang lain dan bijak membuat keputusan dengan bijak.

### **Gaya Kepimpinan Pemimpin**

Fiedler (1976) menyatakan tingkah laku kepimpinan merupakan tindakan-tindakan tertentu yang dibuat oleh pemimpin dalam masa mengarah dan menyelaraskan kerja-kerja anggota kelompok. Sementara Smith (1989) mendefinisikan stail atau gaya kepimpinan sebagai cara pemimpin memimpin individu dalam satu kelompok yang sama manakala Ishak (2006) pula menjelaskan tingkah laku kepimpinan pemimpin memfokus kepada aspek peranan, fungsi dan gaya kepimpinan seorang pemimpin. Burns (1978) merujuk gaya kepimpinan pemimpin kepada dua iaitu gaya kepimpinan transformasional dan transaksional. Gabungan Blake & Mountain (1999) dan Kurt Lewin (1947) pula menyatakan pada dasarnya stail kepimpinan dapat dibahagikan kepada 7 jenis iaitu :

- a) Gaya Kepimpinan Acuh Tak Acuh @ *Laissez-Faire (indifferent)*
- b) Gaya Kepimpinan Akomodatif (*accommodating*)
- c) Gaya Kepimpinan Diktator @ Autokratik @ Autoriti (*dictatorial*)
- d) Gaya Kepimpinan Status Quo (*status quo*)
- e) Gaya Kepimpinan Bersuara @ Demokrasi (*sound*)
- f) Gaya Kepimpinan Oportunis @ Manipulasi (*opportunistic style*)
- g) Gaya Kepimpinan Paternalistik (*paternalistic style*)

Dalam menganalisa Kisah Nabi Yusuf ini, tumpuan diberi adalah ketika baginda menjadi pengurus dan pentadbir ekonomi negara dalam menghadapi cabaran getir kegawatan ekonomi akibat kemarau. Menerusi keilmuan yang mantap, kemahiran mentadbir, merancang dan melaksana yang baik serta diiringi dengan kegigihan akhirnya baginda berjaya menangani krisis tersebut dengan baik.

Dalam hal gaya kepimpinan yang ditonjolkan oleh Nabi Yusof, penulis berpendapat adalah menjadi satu kesalahan dan kesilapan sekiranya perbandingan gaya kepimpinan dilakukan secara lateral dengan membandingkan jenis-jenis gaya kepimpinan masa kini khususnya yang dipelopori oleh ahli falsafah barat. Ini kerana kayu ukur nilai yang digunakan oleh ahli falsafah Barat tidak menekankan unsur kerohanian dan menekankan konsep pemisahan antara prinsip dunia dan akhirat. Dalam falsafah barat, rasional "akal waras" diletakkan di tempat tertinggi tanpa mengambil kira unsur spiritual dan "perintah tuhan" seperti halnya menjadi salah satu syarat wajib dalam konteks agama dan beragama khususnya dalam membicarakan aqidah dan ketaqwaan. Oleh yang demikian penulisan ini cuba melihat gaya kepimpinan Nabi Yusof di

dalam kaca mata penulis dan ahli falsafah Islam dan di aplikasikan dengan realiti nyata moden masa kini.

### **Signifikan Gaya Kepimpinan Nabi Yusuf a.s. Sebagai Model dalam Menangani Masalah Ekonomi Negara**

Mengikut Ishak (2002) gaya kepimpinan mempunyai kaitan dengan jatuh bangun organisasi (negara), berkait dengan kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi dan berkaitan dengan efikasi, komitmen dan prestasi kerja orang bawahan. Jenis-jenis gaya kepimpinan adalah seperti *Lais sez-Faire*, Pengurusan Secara Pengecualian, Contingent Reward, Timbang Rasa Secara Individu, Merangsang Intelektual, Mencetus dan Membangkitkan Motivasi dan Sifat & Tingkah Laku Unggul

Kegawatan bermula dengan mimpi buruk raja tentang tujuh ekor lembu dimakan oleh tujuh ekor lembu kurus, dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh lagi yang kering. Raja sendiri tidak mengetahui maksud mimpi tersebut lantas baginda bertanyakan kepada para pembesarnya. Mereka mengatakan ia adalah *adghatu ahlam* (mimpi yang kacau). Sama ada mereka betul-betul tidak tahu, atau mungkin juga sengaja tidak mahu memberi tahu alamat buruk yang bakal menimpa kepada raja.

Ketika situasi buntu inilah Nabi Yusuf ditampilkan. Sewaktu baginda sedang meringkuk dalam penjara, bukan kerana salah, tetapi kerana fitnah. Raja diberitahu tentang keahlian Nabi Yusuf a.s. mentadbir mimpi maka segeralah dihantar utusan bagi bertanyakan maksud mimpi tersebut. Nabi Yusuf a.s. melayan permintaan raja tanpa syarat dan tidak mengambil kesempatan untuk mengeluarkan dirinya daripada penjara. Malahan ketika raja mahu membebaskannya, baginda Yusuf a.s. tidak mahu keluar sehingga nama baik baginda dibersihkan terlebih dahulu. Perkara tersebut diceritakan dalam al-qur'an menerusi surah Yusuf dari ayat 43 hingga ke ayat 49.

### **Nilai-nilai Unggul dalam Amalan Pengurusan Ekonomi yang dipraktikkan sewaktu Mengatasi Krisis Kegawatan Ekonomi**

Nilai-nilai tersebut adalah seperti berikut:

- a) Ketaqwaan, kewibawaan dan kejujuran serta akhlak terpuji.

Al-Qur'an menerangkan bahawa kegawatan ekonomi harus ditangani oleh mereka yang cukup berwibawa dalam erti memiliki keutuhan moral, kompetensi dan pengetahuan yang meyakinkan. Peranan moral dalam krisis ekonomi tidak harus diremehkan, kerana ia sekaligus adalah juga krisis kepercayaan. Tidak akan berlaku pemulihan ekonomi tanpa pemulihan kepercayaan dengan menampilkan orang-orang yang bersih dari sebarang kecacatan moral dan rasuah, kronisme, nepotisme dan sebagainya. Oleh kerana itulah hikmah Allah menampilkan Nabi Yusuf a.s. yang bukan daripada seorang raja mahupun seorang pembesar bagi mengatasi bencana yang melanda.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Al-Khairun, Hasan Muhd. Bin Ghazali. 2003. *140 Tips Mencari Rezeki Yang Halal Untuk Mencapai Kekayaan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa. m/s 314.

b) Kaedah penyimpanan yang baik.

Ekonomi sesebuah negara dapat bertahan dan berkembang malah ia akan lumpuh apabila kebuluran yang berlaku dikalangan rakyatnya tidak dapat dibendung. Justeru, satu mekanisme penyimpanan stok bahan-bahan makanan yang baik amat penting dan ia semestinya memerlukan ilmu pengetahuan, kaedah dan teknologi bagi menjayakannya. Sehubungan itu, Nabi Yusuf a.s. telah berjaya menemui kaedah penyimpanan makanan agar dapat bertahan lama dan gudang-gudang yang mampu menyimpan segala stok-stok yang diperlukan untuk beberapa tempoh jangka masa yang panjang. Perkara tersebut dapat difahami daripada ayat yang ke-47 dari surah Yusuf dan teks berikut:

47. Yusuf berkata: "Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; Maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibulirnya kecuali sedikit untuk kamu makan.

dan,

"Maka menyuruh Yusuf membuat akan gedung beberapa khaza'in barang yang tiada dapat mengirakan dan tiada dapat membilangkan dia dan tiada dapat diperikan panjangnya dan lebarnya atas kadar lulus barang yang dapatnya daripada tanaman tahun itu." <sup>12</sup>

c) Pembinaan bidang-bidang utama ekonomi untuk menjamin kesejahteraan hidup.

Bagi menjana kemakmuran dan kesejahteraan hidup, pemerintah perlulah membangunkan bidang-bidang utama yang dapat merencanakan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang baik, adil dan seimbang adalah antara faktor penyumbang kepada kesejahteraan hidup. Nabi Yusuf a.s. sebagai pemerintah pada ketika itu telah merencanakan kegiatan pertanian demi menjamin kelangsungan hidup mereka pada zaman kemarau. Kemewahan hasil tanaman dapat disimpan untuk masa kegawatan dan selebihnya dinikmati sewaktu zaman kemakmuran. Perkara tersebut dijelaskan seperti berikut :

"Maka menghimpunkan Yusuf akan ahli Mesir yang jauhnya, yang dekatnya dan menyuruh mereka itu bahawa bertanam dan jangan meninggalkan sedikit daripada bumi yang tanam. Maka menyediakan bagi menghidupkan bumi dan membanyakkan dia." <sup>13</sup>

d) Perancangan yang tepat dan berkesan.

Perancangan yang tepat dan kehadapan (*futuristic*) menyelamatkan ekonomi rakyat dan negara dengan mengimbangi kadar penghasilan, penabungan, perbelanjaan serta reformasi sistem perekonomian. <sup>14</sup> Perkara tersebut dijelaskan oleh Allah dalam ayat yang berikut:

---

<sup>12</sup> Ali Ahmad. 1999. Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m/s 132.

<sup>13</sup> Ibid. m/s 131.

<sup>14</sup> Al-Khairun, Hasan Muhd. Bin Ghazali. 2003. *140 Tips Mencari Rezeki Yang Halal Untuk Mencapai Kekayaan*. m/s 314.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke  
Arah Masa Depan yang Mapan  
20-21 April 2011  
CTF1 Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak

---

47. Yusuf berkata: "Supaya kamu **bertanam** tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; Maka apa yang kamu tuai hendaklah **kamu biarkan dibulirnya** kecuali **sedikit untuk kamu makan.**

48. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang **menghabiskan apa yang kamu simpan** untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan.

e) Pengurusan cekap dan berwibawa.

Pengurus yang bijak, cekap dan berwibawa amat diperlukan sewaktu menangani situasi yang getir. Oleh yang demikian maka tepatlah apabila Nabi Yusuf a.s. mengambil posisi yang amat penting dan strategik bagi memastikan segala perancangan yang dibuat membuahkan hasil yang diharapkan. Perkara tersebut juga dijelaskan oleh Allah dalam ayat 54 sehingga ayat ke-56. Maksud ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

54. Dan raja berkata: "Bawalah Yusuf kepadaku, agar Aku memilih dia sebagai orang yang rapat kepadaku". Maka tatkala raja Telah bercakap-cakap dengan Dia, dia berkata: "Sesungguhnya kamu (mulai) hari ini **menjadi seorang yang berkedudukan tinggi lagi dipercayai di sisi kami**".

55. Berkata Yusuf: "**Jadikanlah aku bendaharawan negara (Mesir);** Sesungguhnya Aku adalah orang yang **pandai menjaga, lagi berpengetahuan**".

56. Dan Demikianlah kami memberi kedudukan kepada Yusuf di negeri Mesir; (Dia **berkuasa penuh**) pergi menuju kemana saja ia kehendaki di bumi Mesir itu. kami melimpahkan rahmat kami kepada siapa yang kami kehendaki dan kami tidak menyia-nyiakan pahala orang-orang yang berbuat baik.

f) Mekanisme pengawalan pengurusan agar mencapai objektif.

Islam menggariskan agar penggunaan pengeluaran dikawal selia daripada disalahgunakan. Ia merupakan tindakan penting untuk menjaga kebajikan semua selain daripada menitikberatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran.<sup>15</sup> Justeru perkara tersebut dapat menghindarkan daripada kegiatan *monopoli* oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Peranan Nabi Yusuf mengumpul dan mengawal simpanan makanan pada ketika itu akhirnya mencapai objektif yang diharapkan iaitu menghindari kebuluran sewaktu kemarau. Teks di bawah menjelaskan tindakan baginda:

*Maka dihimpunkan kepadanya dan **dibelanjakan tiap-tiap satu rumah dengan kadar orangnya dan nafkahnya atas kira-kiranya.**<sup>16</sup>*

g) Pengagihan dan pengurusan sumber secara tepat dan berkesan.

---

<sup>15</sup> Abd. Al-Rahman Zaki Ibrahim. 1998. *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. (pent) Mujaini bin Tarimin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m/s 62.

<sup>16</sup> Ali Ahmad. 1999. *Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu*. m/s 132.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke  
Arah Masa Depan yang Mapan  
20-21 April 2011  
CTF1 Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak

---

Islam mendukung prinsip keadilan dalam ajarannya. Keadilan dapat menghindarkan daripada berlakunya penyelewengan dan memadamkan perasaan tidak puas hati. Nabi Yusuf telah melakukan cara terbaik dalam aspek pengagihan makanan sewaktu zaman kemarau. Oleh itu, penduduk Mesir terselamat daripada kebinasaan yang diakibatkan oleh kemarau selama tujuh tahun. Teks yang sama juga telah menjelaskan tindakan tepat baginda pada waktu itu:

*“Maka dihimpunkan kepadanya **dan dibelanjakan tiap-tiap satu rumah dengan kadar orangnya dan nafkahnya atas kira-kiranya.**”<sup>17</sup>*

- h) Skim penyimpanan buat masa hadapan (tabungan).

Islam melarang umatnya daripada melakukan pembaziran daripada segenap aspek. Lebihan pendapatan ataupun harta selain dikeluarkan zakat<sup>18</sup> perlulah disimpan buat masa akan datang bagi persediaan perkara-perkara kecemasan, kesempitan hidup dan sebagainya. Nabi Yusuf a.s. telah mempraktikkan usaha tersebut. Hasil simpanan makanan yang telah dikumpulkan dapat mengelakkan mereka daripada mati kebuluran. Hal tersebut dapat difahami daripada teks berikut:

*“Maka **menyuruh Yusuf membuat akan gedung beberapa khaza'in barang** yang tiada dapat mengirakan dan tiada dapat membilangkan dia dan tiada dapat diperikan panjangnya dan lebarnya atas kadar lulus barang yang dapatnya daripada tanaman tahun itu.”<sup>19</sup>*

- i) Perbelanjaan mengikut keutamaan, berjimat cermat dan bersederhana.

Pengurusan sumber negara hendaklah teratur dan tersusun mengikut prioriti keperluan ekonomi negara semasa.<sup>20</sup> Selain itu, perbelanjaan mestilah dilakukan dengan berhemat dan bersederhana. Tindakan tersebut perlu bagi memanfaatkan secara optimum sumber-sumber terhad sewaktu saat-saat genting. Ia juga dapat mengelakkan kebocoran sumber kepada perkara yang sia-sia. Teks yang serupa juga dapat kita fahami akan perkara ini:

*“Maka dihimpunkan kepadanya dan **dibelanjakan tiap-tiap satu rumah dengan kadar orangnya dan nafkahnya atas kira-kiranya.**”<sup>21</sup>*

- j) Pengurusan risiko bagi melindungi harta dan sistem ekonomi.

Setiap individu mahupun organisasi sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis risiko. Pengurusan risiko dapat ditakrifkan sebagai suatu proses yang sistematik untuk mengenalpasti dan menilai risiko yang mungkin dihadapi. Kemudian memilih dan melaksanakan teknik-teknik pengendalian risiko yang paling sesuai untuk mengawasi risiko yang telah dikenalpasti selaras

---

<sup>17</sup> ibid. m/s 312.

<sup>18</sup> Setelah cukup segala syaratnya menurut syarak.

<sup>19</sup> Ali Ahmad. 1999. Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu. m/s 132.

<sup>20</sup> Nik Mustapha Hj. Nik Hassan. 1998. *Pengurusan Makro Ekonomi Negara Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam. m/s 8.

<sup>21</sup> Ali Ahmad. 1999. *Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu*. m/s 132.



dengan matlamat individu atau organisasi tersebut.<sup>22</sup> Kisah Nabi Yusuf menerangkan bahawa risiko yang bakal dihadapi oleh sekelian penduduk Mesir adalah kemarau yang berpanjangan dan langkah-langkah perlu untuk mereka, bagi mendepani perkara tersebut. Kecerdikan Nabi Yusuf dalam menangani risiko telah menyelamatkan mereka daripada kebinasaan. Tindakan tersebut dapat difahami daripada petikan berikut:

*“Maka menyeru Yusuf a.s. akan segala manusia jangan kamu tanam sesuatu hingga lalu masa tujuh tahun ini. Maka bahawasanya binasa benih kamu dan tiada tumbuh bagi kamu sesuatu.”<sup>23</sup>*

### **Prinsip dan Nilai Kepimpinan Unggul daripada Nilai-nilai dalam Amalan Pengurusan Ekonomi Nabi Yusuf a.s.**

Setelah meneliti nilai-nilai dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Nabi Yusuf a.s, beberapa prinsip dapat dirumuskan untuk dijadikan panduan ataupun resepi kejayaan dalam menjalani kegiatan ekonomi lebih-lebih lagi sewaktu menangani krisis ekonomi. Senarai prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

i. Ketaqwaan (*At-Taqwa*)

Taqwa ialah memelihara hubungan yang baik dengan tuhan, memelihara diri jangan sampai terperusuk kepada perbuatan yang tidak diredhai, memelihara segala perintahnya supaya dapat dilakukan dan memelihara segala larangannya supaya dapat dijauhi. Ia sesuai dengan pernyataan Rukun Negara yang pertama di mana Bangsa dan Negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Melalui kepercayaan beragama inilah akan menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan, tetapi agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian di dalam Persekutuan dan tindakan membeza-bezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali. Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang dan juga sesuatu bangsa dan negara. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, prinsip ini telah dipilih sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara.

Ketaqwaan merupakan asas kepada seseorang pengurus lebih-lebih lagi dalam bidang ekonomi dan pengurusannya. Ketaqwaan dalam erti kata sebenar akan membawa seseorang itu ke arah kesucian hati dan kebersihan luaran. Kesucian hati akan mencernakan akhlak yang murni seperti amanah, keikhlasan, kejujuran dan sebagainya. Kebersihan luaran pula meliputi pembudayaan sikap positif seperti berdisiplin, bersih, kemas dan keperibadian yang tinggi.<sup>24</sup> Prinsip taqwa yang perlu dipegang oleh pengurus dalam krisis ekonomi tidak harus diambil remeh, ini kerana dalam masa yang sama ia melibatkan elemen kepercayaan. Tidak akan berlaku

---

<sup>22</sup> Lim Chee Chee. 2003. *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia. m/s 41.

<sup>23</sup> Ali Ahmad. 1999. *Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu*. m/s 133.

<sup>24</sup> Nik Mustapha Nik Hassan. 2002. *Institusi Ekonomi Islam di Malaysia: Satu Analisis Cadangan. Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. ms 294.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke  
Arah Masa Depan yang Mapan  
20-21 April 2011  
CTF1 Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak

---

pemulihan ekonomi tanpa pemulihan kepercayaan dengan menampilkan orang-orang yang bersih dari sebarang kecacatan moral, rasuah dan sebagainya. Oleh kerana itulah hikmah Allah menampilkan Nabi Yusuf a.s. yang mempunyai akhlak dan ketaqwaan yang tinggi serta kebijaksanaan bagi mengatasi bencana yang melanda.<sup>25</sup>

ii. Keadilan dan Ihsan (*al-Adl wal Ihsan*)

Adil adalah tidak berat sebelah, tidak memihak dalam keputusan, berpihak kepada yang benar atau berpegang kepada kebenaran, berlaku sepatutnya dan tidak bertindak sewenang-wenang. Manakala ihsan pula ialah berbuat baik dan suka berderma yang tidak diwajibkan (sedekah). Di dalam Islam sesuatu keadilan perlu di amalkan bersekali dengan prinsip ihsan. Prinsip *al-Adl wal Ihsan* menganjurkan bahawa sistem ekonomi dan pengurusannya mestilah berusaha ke arah pencapaian keadilan ekonomi dan ekonomi kerjasama. Penghayatan semangat keadilan dalam penyelenggaraan setiap aktiviti ekonomi merupakan kemuncak keutuhan sistem ekonomi bernegara manakala ekonomi kerjasama akan mewujudkan kestabilan dan kemampuan perjalanan ekonomi.<sup>26</sup> Konsep at-ta'awun dapat diterapkan dan persaingan tidak sihat dapat dihindarkan. Natiujahnya, satu masyarakat yang adil dengan segala kemaslahatannya diambil kira, suasana aman, sifat kerjasama dan persaudaraan menjadi subur serta kehidupan bertambah makmur dikecapi.

iii. Kebertanggungjawaban (*Mas'uliyah*)

Kebertanggungjawaban juga dikenali sebagai akuntabiliti dan kewajiban. Prinsip kebertanggungjawaban ini ditekankan kepada pemerintah ataupun pengurus ke atas segala tindakan dan strategi yang diambil untuk memakmurkan ekonomi. Justeru, penekanan ke atasnya akan menjauhkan segala bentuk pembaziran sumber dan sikap rakus dan haloba terhadap alam sekitar. Tugas pembangunan yang dihayati adalah untuk membawa kesejahteraan manusia secara holistik, memberi manfaat kepada umum, dijalankan secara berhemat dan berpaksikan sifat kesederhanaan dan menyedari bahawa ianya adalah taklif bukannya tashrif.<sup>27</sup>

iv. Kecekapan (*Kifaaah*)

Kecekapan pengurusan dan perancangan akan membawa ke arah kejayaan sesebuah pengurusan ekonomi. Pengurus yang cekap melambangkan kebijaksanaan dan kewibawaannya serta ia amat diperlukan sewaktu menangani situasi yang getir. Oleh yang demikian maka tepatlah apabila Nabi Yusuf a.s. mengambil posisi yang amat penting dan strategik bagi memastikan segala perancangan yang dibuat membuahkan hasil yang diharapkan. Perkara tersebut juga dijelaskan oleh Allah dalam ayat 54 sehingga ayat ke-56. Selain itu, perancangan yang tepat dan kehadapan (*futuristic*) menyelamatkan ekonomi rakyat dan negara dengan mengimbangi kadar

---

<sup>25</sup> Al-Khairun, Hasan Muhd. Bin Ghazali. 2003. *140 Tips Mencari Rezeki Yang Halal Untuk Mencapai Kekayaan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa. m/s 314.

<sup>26</sup> Nik Mustapha Nik Hassan. 2002. Institusi Ekonomi Islam di Malaysia: Satu Analisis Cadangan. *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. ms 298.

<sup>27</sup> Shaikh Mohd. Saifuddin Shaikh Mohd. Salleh. 2002. Kesan Perkembangan Teknologi ke atas Ekonomi: Satu Perspektif Islam. *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. ms 95.

penghasilan, penabungan, perbelanjaan serta reformasi sistem perekonomian.<sup>28</sup> Perkara tersebut dijelaskan oleh Allah dalam ayat 47 hingga ayat 48 dalam surah yang sama.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2004. *Kepemimpinan Dalam Mengurus Perubahan Dari Dimensi Kemanusiaan*. Malaysia: Pearson Prentice Hall.
- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz dan Mohammed Zohir Ahmad. 2008. *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2007. *Teori dan Teknik Kepimpinan : Panduan Aplikasi di Tempat Kerja* (Edisi Kelima.). Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Abdullah Basmieh. 1998. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah bin Ahmad Mubarak. 1996. *Kisah Para Nabi dan Rasul*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abd. Al-Rahman Zaki Ibrahim. 1998. *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. (pent) Mujaini bin Tarimin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khairun, Hasan Muhd. Bin Ghazali. 2003. *140 Tips Mencari Rezeki Yang Halal Untuk Mencapai Kekayaan*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Juzuk 11- 12. (pent) Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad. 1999. *Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ash-Shabuni, Muhammad Ali. 1996. *Kemuliaan Para Nabi*. (pent) Saiful Mohd Ali. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Bass, B. M. 1985. *Leadership And Performance Beyond Expectations*. New York: The Free Press.

---

<sup>28</sup> Al-Khairun, Hasan Muhd. Bin Ghazali. 2003. *140 Tips Mencari Rezeki Yang Halal Untuk Mencapai Kekayaan*. m/s 314.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke  
Arah Masa Depan yang Mapan  
20-21 April 2011  
CTF1 Kampus Barat, Universiti Malaysia Sarawak

---

- Beach, L. R. 1932. *The Psychology of Decision Making: People in Organization*. United State: Sage Publication.
- Bakhari Ariff. 2007. "Kajian Personaliti Politik Pemimpin". PEMIKIR. Julai-September 2007. Kuala Lumpur: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Barling, J., Slater, F. dan Kelloway, E.K.2001. "Tranformational leadership and emotional intelligence: An exploratory study'. *Leadership and organizational Development Journal*. Bil 21. Hlm: 157-161.
- Lim Chee Chee. 2003. *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Nik Mustapha Hj. Nik Hassan. 1998. *Pengurusan Makro Ekonomi Negara Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- 
- \_\_\_\_\_ . 2002. *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.